



8 Oktober 2025  
8 October 2025  
P.U. (A) 362

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PATEN (PINDAAN) 2025

### *PATENTS (AMENDMENT) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 55A dan 87 Akta Paten 1983 [Akta 291], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2025**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2025.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Paten 1986 [P.U. (A) 327/1986], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 2(1), dengan memasukkan selepas perkataan "Peraturan-Peraturan ini" perkataan "yang disebut sebagai fi yang ditetapkan".

**Pindaan peraturan 18**

3. Subperaturan 18(12) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "yang mengandungi suatu salinan senarai jujukan mengikut piawai sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan piawai yang diterima pakai di bawah Triti Kerjasama Paten" dengan perkataan "bagi maksud pemfailan dan penyampaian di bawah peraturan 52".

**Pindaan peraturan 25A**

4. Subperaturan 25A(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "tertakluk kepada fi yang ditetapkan yang hendaklah dibayar dengan menggunakan dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar" dengan perkataan "dibuat dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan".

**Pindaan peraturan 27C**

5. Subperaturan 27C(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan seksyen 26, 26A, 26B dan 27 Akta dan peraturan 7(2), 12 hingga 17, 21 dan 50” dengan perkataan “seksyen 26, 26B dan 27, dan subseksyen 30(3A) dan 79(1B) Akta dan subperaturan 7(2), dan peraturan 12 hingga 17, 21 dan 50”.

**Pindaan peraturan 27D**

6. Subperaturan 27D(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan seksyen 26A, 26B dan 27” dengan perkataan “seksyen 26B dan 27, dan subseksyen 30(3A) dan 79(1B)”.

**Pindaan peraturan 27E**

7. Peraturan 27E Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Borang 5H” dengan perkataan “bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan

(b) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “Borang 5I” dengan perkataan “permohonan dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan Bahagian V**

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam kepala Bahagian V dengan memasukkan selepas perkataan “PENYERAHAN” perkataan „, BANGKANGAN”.

**Peraturan baharu 43A, 43B, 43C, 43D, 43E, 43F, 43G, 43H, 43I, 43J, 43K, 43L, 43M, 43N, 43O, 43P, 43Q, 43R, 43S, 43T dan 43U**

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 43 peraturan yang berikut:

“Notis bangkangan.

43A. (1) Suatu notis bangkangan terhadap pemunya paten berhubung dengan pemberian paten boleh difaiklan oleh mana-mana orang yang berkepentingan dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan dalam tempoh enam bulan dari tarikh penyiaran pemberian paten itu.

(2) Notis bangkangan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu pernyataan yang menyatakan alasan bangkangan termasuk fakta yang padanya orang yang berkepentingan bergantung dan relief yang diminta; dan

(b) suatu keterangan yang menyokong pernyataan yang menyatakan alasan bangkangan melalui suatu akuan berkanun.

(3) Notis bangkangan itu tidak akan dipertimbangkan—

(a) jika ia difaiklan setelah tamat tempoh yang disebut dalam subperaturan (1); atau

(b) tiada jaminan kos yang disebut dalam subseksyen 55A(2) Akta

diberikan oleh orang yang berkepentingan.

Alasan bangkangan tambahan.

43B. (1) Selepas pemfailan notis bangkangan di bawah subperaturan 43A(1), orang yang berkepentingan itu boleh memfailkan suatu alasan bangkangan tambahan—

- (a) dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan;
- (b) disertakan dengan dokumen yang disebut dalam subperaturan 43A(2); dan
- (c) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 43A(1).

(2) Alasan bangkangan tambahan itu tidak akan dipertimbangkan jika alasan bangkangan tambahan itu difailkan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 43A(1).

Pemfailan notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan.

43C. (1) Bagi maksud peraturan 52 dan melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Pendaftar, notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan itu, jika ada, hendaklah difailkan dengan Pendaftar dalam dua salinan dan Pendaftar boleh menghendaki notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan itu difailkan dalam lebih daripada dua salinan.

(2) Jika notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan itu, jika ada, difaiklan oleh orang yang berkepentingan mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 52A, Pendaftar boleh menghendaki notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan itu dikemukakan secara fizikal melalui serahan tangan di Pejabat Pendaftaran Paten atau dihantar kepada Pendaftar melalui pos, dalam lebih daripada satu salinan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, subperaturan 52(5) tidak terpakai.

Pindaan untuk mematuhi kehendak notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan.

43D. (1) Pendaftar hendaklah memberitahu orang yang berkepentingan jika mana-mana kehendak di bawah subperaturan 43A(1) atau (2), perenggan 43B(1)(a) atau (b), atau peraturan 43C tidak dipatuhi dan orang yang berkepentingan itu hendaklah membuat pindaan untuk mematuhi kehendak itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan oleh Pendaftar.

(2) Notis bangkangan atau alasan bangkangan tambahan itu hendaklah—

(a) dikira sebagai ditinggalkan jika orang yang berkepentingan gagal mematuhi subperaturan (1); atau

(b) ditolak jika pindaan yang dibuat di bawah subperaturan (1)—

- (i) dalam hal sesuatu notis bangkangan, tidak memuaskan mana-mana kehendak di bawah subperaturan 43A(1) dan (2), dan peraturan 43C; dan
- (ii) dalam hal sesuatu alasan bangkangan tambahan, tidak memuaskan mana-mana kehendak di bawah perenggan 43B(1)(a) dan (b) dan peraturan 43C.

(3) Walau apa pun perenggan (2)(a) dan subperenggan (2)(b)(ii), alasan bangkangan tambahan hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti notis bangkangan jika notis bangkangan itu ditinggalkan atau ditolak di bawah perenggan (2)(a) atau subperenggan (2)(b)(i).

(4) Apabila Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak di bawah subperaturan 43A(1) dan (2), perenggan 43B(1)(a) dan (b) dan peraturan 43C telah dipatuhi oleh orang yang berkepentingan, dan sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu salinan notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan itu, jika ada, kepada pemunya paten.

Pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten.

43E. (1) Tertakluk kepada subperaturan (7), pemunya paten hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh salinan notis bangkangan dikeluarkan

oleh Pendaftar di bawah subperaturan 43D(4), memfailkan pernyataan balas kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

(2) Suatu pernyataan balas yang difailkan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu pernyataan untuk menyokong pemberian paten dan membantah alasan bangkangan; dan

(b) suatu keterangan untuk menyokong pernyataan dalam perenggan (a) melalui suatu akuan berkanun.

(3) Jika lebih daripada satu notis bangkangan difailkan di bawah subperaturan 43A(1), pemunya paten hendaklah memfailkan pernyataan balas bagi setiap notis bangkangan itu.

(4) Pemunya paten boleh, dalam tempoh bagi pemfailan pernyataan balas yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dan apabila pernyataan balas itu difailkan, memfailkan permintaan untuk meminda paten dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

(5) Tertakluk kepada subseksyen 79A(2) Akta, permintaan untuk meminda paten yang dinyatakan dalam subperaturan (4) hendaklah dibuat hanya bagi maksud untuk menjawab kepada notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan, jika ada, yang difailkan oleh orang yang berkepentingan.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (5), dalam keadaan lebih daripada satu notis bangkangan difailkan di bawah subperaturan 43A(1), hanya satu permintaan untuk meminda paten yang dinyatakan dalam subperaturan (4) boleh dibuat oleh pemunya paten dan permintaan itu hendaklah mengandungi satu pindaan kepada paten sahaja bagi maksud menjawab kepada kesemua notis bangkangan itu.

(7) Jika pemunya paten tidak memfailkan suatu pernyataan balas di bawah subperaturan (1) atau pernyataan balas dikira sebagai ditinggalkan atau ditolak di bawah perenggan 43G(2)(a) atau subperenggan 43G(2)(b)(i)—

(a) pemunya paten tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam prosiding bangkangan; dan

(b) Pendaftar boleh membuat keputusan menurut subseksyen 55A(5) Akta terhadap notis bangkangan dan alasan bangkangan tambahan, jika ada, yang difailkan oleh orang yang berkepentingan.

Pemfailan pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten.

43F. (1) Bagi maksud peraturan 52 dan melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Pendaftar, pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten, jika ada, hendaklah difailkan dengan Pendaftar dalam dua salinan dan Pendaftar boleh menghendaki pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten itu difailkan dalam lebih daripada dua salinan.

(2) Jika pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten itu, jika ada, difailkan oleh pemunya paten mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 52A, Pendaftar boleh menghendaki pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten itu dikemukakan secara fizikal melalui serahan tangan di Pejabat Pendaftaran Paten atau dihantar kepada Pendaftar melalui pos, dalam lebih daripada satu salinan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, subperaturan 52(5) tidak terpakai.

Pindaan untuk mematuhi kehendak pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten.

43G. (1) Pendaftar hendaklah memberitahu pemunya paten jika mana-mana kehendak di bawah subperaturan 43E(1), (2), (3) atau (4), atau peraturan 43F tidak dipatuhi dan pemunya paten hendaklah membuat pindaan untuk mematuhi kehendak itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan oleh Pendaftar.

(2) Pernyataan balas dan permintaan untuk meminda paten itu hendaklah—

(a) dikira sebagai ditinggalkan jika pemunya paten gagal mematuhi subperaturan (1); atau

(b) ditolak jika pindaan yang dibuat di bawah subperaturan (1)—

(i) dalam hal sesuatu pernyataan balas, tidak memuaskan mana-mana kehendak di bawah subperaturan 43E(1), (2) dan (3), dan peraturan 43F; dan

(ii) dalam hal sesuatu permintaan untuk meminda paten, tidak memuaskan mana-mana kehendak di bawah subperaturan 43E(4) dan peraturan 43F.

(3) Walau apa pun perenggan (2)(a) dan subperenggan (2)(b)(ii), permintaan untuk meminda paten hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti pernyataan balas jika pernyataan balas itu ditinggalkan atau ditolak di bawah perenggan (2)(a) atau subperenggan (2)(b)(i).

(4) Apabila Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak di bawah subperaturan 43E(1), (2), (3) dan (4) dan peraturan 43F telah dipatuhi oleh pemunya paten dan sebagaimana yang difikirkan

munasabah oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu salinan pernyataan balas dan dokumen berhubung dengan permintaan untuk meminda paten itu, jika ada, kepada orang yang berkepentingan.

Keterangan balas dan jawapan kepada permintaan untuk meminda paten.

43H. (1) Orang yang berkepentingan boleh, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh salinan pernyataan balas dan dokumen berhubung dengan permintaan untuk meminda paten itu dikeluarkan di bawah subperaturan 43G(4), jika ada, memfailkan dengan Pendaftar suatu keterangan balas melalui suatu akuan berkanun dan suatu jawapan kepada permintaan untuk meminda paten itu, jika ada.

(2) Keterangan balas hendaklah dihadkan kepada perkara semata-mata untuk membalas kepada keterangan pemunya paten.

(3) Selepas penerimaan keterangan balas dan jawapan kepada permintaan untuk meminda paten di bawah subperaturan (1), jika ada, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu salinan keterangan balas dan jawapan kepada permintaan untuk meminda paten itu kepada pemunya paten.

Keterangan lanjut.

43I. (1) Orang yang berkepentingan atau pemunya paten boleh memfailkan suatu pemintaan bagi mendapatkan kebenaran Pendaftar untuk mengemukakan suatu keterangan lanjut—

(a) dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar

bersama dengan pembayaran fi  
yang ditetapkan; dan

(b) disertakan dengan suatu  
keterangan lanjut melalui suatu  
akuan berkanun.

(2) Jika kebenaran di bawah  
subperaturan (1) diberikan oleh Pendaftar, Pendaftar  
hendaklah mengeluarkan suatu salinan keterangan  
lanjut itu kepada pihak yang satu lagi.

(3) Pihak yang satu lagi boleh menjawab  
kepada keterangan lanjut itu dalam tempoh satu  
bulan dari tarikh salinan keterangan lanjut itu  
dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah  
subperaturan (2).

(4) Jika jawapan kepada keterangan lanjut  
di bawah subperaturan (3) itu mengandungi  
keterangan untuk menyokong jawapan itu,  
keterangan itu hendaklah melalui suatu akuan  
berkanun.

(5) Selepas penerimaan jawapan kepada  
keterangan lanjut itu, Pendaftar hendaklah  
mengeluarkan suatu salinan jawapan kepada  
keterangan lanjut itu kepada orang yang memfailkan  
keterangan lanjut itu.

Hujahan bertulis.

43J. (1) Pendaftar boleh memberitahu orang  
yang berkepentingan dan pemunya paten untuk  
memfailkan suatu hujahan bertulis kepada Pendaftar

dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan untuk memfaikan hujahan bertulis dikeluarkan oleh Pendaftar.

(2) Hujahan bertulis tidak boleh mengandungi apa-apa keterangan baharu sebagai tambahan kepada keterangan yang difaikkan dalam notis bangkangan, pernyataan balas, keterangan balas dan keterangan lanjut.

(3) Jika notis di bawah subperaturan (1) telah dikeluarkan oleh Pendaftar, tiada kebenaran berhubung dengan pengemukaan keterangan lanjut boleh diberikan oleh Pendaftar di bawah subperaturan 43(2).

(4) Selepas hujahan bertulis diterima daripada orang yang berkepentingan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu salinan hujahan bertulis itu kepada pemunya paten, dan sebaliknya.

Cadangan oleh jawatankuasa 43K. (1) Jawatankuasa bangkangan *ad hoc* boleh memberikan cadangan kepada Pendaftar menurut subseksyen 55A(4) Akta sama ada untuk—

(a) mengekalkan paten;

(b) mengekalkan paten dengan apa-apa pindaan; atau

(c) mentaksahkan paten.

(2) Jika jawatankuasa bangkangan *ad hoc* mencadangkan untuk mentaksahkan paten, Pendaftar boleh memberi pemunya paten peluang untuk membuat suatu permintaan untuk meminda patennya kecuali kepada mana-mana pemunya paten yang termasuk di bawah subperaturan 43E(7).

(3) Permintaan untuk meminda paten di bawah subperaturan (2) hendaklah dibuat—

(a) dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan; dan

(b) dalam tempoh dua bulan dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan oleh Pendaftar yang memberikan peluang untuk meminda paten.

(4) Permintaan untuk meminda paten di bawah subperaturan (2) hendaklah—

(a) tertakluk kepada subseksyen 79A(2) Akta; dan

(b) dibuat dalam skop yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar sahaja.

(5) Tiada pelanjutan masa boleh dibenarkan jika pemunya paten gagal membuat pindaan dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (3).

(6) Jika permintaan untuk meminda paten tidak dibuat mengikut subperaturan (3), Pendaftar hendaklah memberitahu pemunya paten untuk mematuhi subperaturan (3) dalam tempoh dua minggu dari tarikh pemberitahuan itu dikeluarkan oleh Pendaftar.

(7) Permintaan untuk meminda paten hendaklah—

(a) dikira sebagai ditinggalkan jika pemunya paten gagal mematuhi subperaturan (6); atau

(b) ditolak jika tindakan diambil untuk mematuhi subperaturan (6) tidak memuaskan kehendak di bawah subperaturan (3).

(8) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa permintaan untuk meminda paten telah dibuat mengikut subperaturan (3)—

(a) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu salinan permintaan untuk meminda paten kepada orang yang berkepentingan; dan

- (b) jawatankuasa bangkangan *ad hoc* hendaklah memberikan cadangan menurut subperaturan (1) kepada Pendaftar berhubung dengan permintaan untuk meminda paten itu.
- Keputusan Pendaftar dalam prosiding bangkangan. 43L. (1) Berdasarkan cadangan oleh jawatankuasa bangkangan *ad hoc* di bawah subperaturan 43K(1) atau perenggan 43K(8)(b), Pendaftar hendaklah membuat keputusan menurut subseksyen 55A(5) Akta.
- (2) Tarikh keputusan Pendaftar di bawah subperaturan (1) dikeluarkan kepada orang yang berkepentingan dan pemunya paten hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah menurut seksyen 88 Akta.
- (3) Pendaftar boleh menyiar kan keputusan di bawah subperaturan (1) dalam Jurnal Rasmi jika Pendaftar fikirkan perlu.
- Award kos. 43M. (1) Menurut seksyen 80 Akta, Pendaftar boleh mengawardkan kos kepada pihak yang keputusan Pendaftar memihak kepadanya tertakluk kepada yang berikut:
- (a) kos dipohon oleh orang yang berkepentingan semasa notis bangkangan difailkan di bawah subperaturan 43A(1); dan

(b) kos dipohon oleh pemunya paten semasa pernyataan balas difailkan di bawah subperaturan 43E(1).

(2) Kos yang diawardkan oleh Pendaftar hendaklah dibayar tidak lewat daripada satu bulan dari tarikh keputusan Pendaftar dikeluarkan di bawah subperaturan 43L(1).

(3) Jika pihak yang keputusan Pendaftar memihak kepadanya ialah pemunya paten dan kos yang diawardkan oleh Pendaftar tidak dibayar dalam tempoh yang disebut dalam subperaturan (2) oleh orang yang berkepentingan, pemunya paten boleh meminta secara bertulis kepada Pendaftar untuk menuntut jaminan kos yang diberikan oleh orang yang berkepentingan di bawah subseksyen 55A(2) Akta sebagai bayaran kos yang diawardkan itu.

(4) Permintaan yang dinyatakan dalam subperaturan (3) hendaklah dibuat tidak lewat daripada dua minggu dari tamatnya tempoh satu bulan yang disebut dalam subperaturan (2).

(5) Jika jaminan kos tidak mencukupi untuk bayaran penuh kos yang diawardkan, pemunya paten boleh memulakan tindakan Mahkamah menurut subseksyen 80(3) Akta.

Jaminan kos.

43N. (1) Jika keputusan Pendaftar memihak kepada orang yang berkepentingan, jaminan kos hendaklah dipulangkan kepada orang yang berkepentingan oleh Pendaftar.

(2) Tertakluk kepada subperaturan 43M(3), jika keputusan Pendaftar tidak memihak kepada orang yang berkepentingan dan kos diawardkan kepada pemunya paten, jaminan kos hendaklah dipulangkan kepada orang yang berkepentingan selepas penerimaan—

(a) pemberitahuan bertulis bahawa kos yang diawardkan telah dibayar kepada pemunya paten; dan

(b) bukti pembayaran.

(3) Jika keputusan Pendaftar tidak memihak kepada orang yang berkepentingan dan tiada pemberitahuan di bawah subperaturan (2) atau permintaan bertulis di bawah subperaturan 43M(3) diterima oleh Pendaftar, jaminan kos hendaklah dipulangkan kepada orang yang berkepentingan oleh Pendaftar.

Pertukaran ejen paten.

430. (1) Jaminan kos yang diberikan semasa pemfailan notis bangkangan tidak akan terjejas apabila pertukaran ejen paten dibuat oleh orang yang berkepentingan selepas pemfailan notis bangkangan.

(2) Tertakluk kepada peraturan 43N, jaminan kos yang disebut dalam subperaturan (1) akan dipulangkan oleh Pendaftar hanya kepada ejen paten yang berada dalam rekod Pendaftar yang mewakili orang yang berkepentingan dalam prosiding bangkangan walaupun ejen paten dalam

rekod itu bukanlah ejen paten asal yang memberikan jaminan kos semasa pemfailan notis bangkangan.

Pertukaran orang yang berkepentingan.

43P. Suatu prosiding bangkangan boleh diteruskan atas nama mana-mana orang yang berkepentingan selain orang yang berkepentingan yang memfailkan notis bangkangan di bawah peraturan 43A jika—

- (a) selepas orang yang berkepentingan memfailkan notis bangkangan, hak atau kepentingan orang yang berkepentingan itu bergantung untuk memfailkan notis bangkangan menjadi terletakhak kepada orang lain itu; dan
- (b) notis bangkangan tidak ditarik balik oleh orang yang berkepentingan di bawah peraturan 43Q, orang lain yang berkepentingan yang disebut dalam perenggan (a) hendaklah memberitahu Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan dan pemberitahuan itu hendaklah disertai dengan keterangan yang memuaskan hati Pendaftar melalui suatu akuan berkanun bahawa hak atau kepentingan sebagai orang yang berkepentingan telah terletakhak kepadanya.

Penarikan balik notis bangkangan.

43Q. (1) Orang yang berkepentingan boleh menarik balik notis bangkangan dengan memfailkan

suatu akuan yang ditandatangani olehnya kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

(2) Jika akuan yang disebut dalam subperaturan (1) ditandatangani oleh ejen paten, akuan itu hendaklah disertakan dengan surat yang memberi kuasa kepadanya oleh orang yang berkepentingan untuk menandatangani akuan itu.

(3) Apabila akuan di bawah subperaturan (1) diterima oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah memberitahu pemunya paten berkenaan dengan penarikan balik notis bangkangan itu.

(4) Menurut seksyen 80 Akta, Pendaftar boleh mengawardkan kos kepada pemunya paten jika—

(a) kos telah dipohon oleh pemunya paten semasa pemfailan pernyataan balas di bawah subperaturan 43E(1); dan

(b) penarikan balik notis bangkangan difailkan selepas pernyataan balas telah difailkan oleh pemunya paten di bawah subperaturan 43E(1).

(5) Kos yang diawardkan di bawah subperaturan (4) hendaklah dibayar tidak lewat

daripada tempoh satu bulan daripada tarikh Pendaftar memberitahu pihak-pihak berhubung dengan kos itu.

(6) Subperaturan 43M(3), (4) dan (5), dan subperaturan 43N(2) dan (3) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Pelanjutan masa dalam prosiding bangkangan.

43R. (1) Orang yang berkepentingan atau pemunya paten boleh meminta pelanjutan masa kepada Pendaftar untuk memfaiklan—

(a) pernyataan balas di bawah subperaturan 43E(1);

(b) permintaan untuk meminda paten di bawah subperaturan 43E(4);

(c) keterangan balas dan jawapan kepada permintaan untuk meminda paten di bawah subperaturan 43H(1), jika ada; atau

(d) hujahan bertulis di bawah subperaturan 43J(1).

(2) Permintaan untuk pelanjutan masa di bawah subperaturan (1)—

(a) hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan

oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan sebelum habis tempoh yang disebut dalam subperaturan 43E(1) dan (4), 43H(1) dan 43J(1); dan

- (b) boleh dipohon bagi tempoh tidak melebihi satu bulan dan hendaklah diberikan hanya sekali sahaja oleh Pendaftar.

(3) Selepas permintaan untuk pelanjutan masa dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah memberitahu keputusannya kepada orang yang meminta pelanjutan masa dan orang lain dalam prosiding bangkangan itu.

Pindaan dokumen dalam prosiding bangkangan.

43S. (1) Orang yang berkepentingan dan pemunya paten boleh meminta untuk meminda apa-apa dokumen yang difailkan dengan Pendaftar yang berhubung dengan prosiding bangkangan, bagi maksud—

- (a) membetulkan apa-apa salah tulis atau kesalahan ketara; atau
- (b) apa-apa sebab lain yang boleh diterima oleh Pendaftar.

(2) Permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk sebagaimana yang

ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

(3) Selepas permintaan di bawah subperaturan (1) dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah memberitahu keputusannya kepada orang yang meminta pindaan itu dan orang lain dalam prosiding bangkangan itu.

(4) Orang lain dalam prosiding bangkangan yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah mengambil tindakan mengikut keputusan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah subperaturan itu.

Bahasa dokumen dan terjemahan.

43T. (1) Apa-apa dokumen yang difailkan dengan Pendaftar berhubung dengan prosiding bangkangan hendaklah dibuat dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(2) Jika keterangan yang difailkan oleh orang yang berkepentingan dan pemunya paten dengan Pendaftar bukan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, ia hendaklah disertakan dengan terjemahan yang diperakui dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Pemfailan dokumen.

43U. (1) Bagi maksud peraturan 52 dan melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Pendaftar, apa-apa dokumen yang difailkan kepada Pendaftar di bawah peraturan 43I dan 43P, dan subperaturan 43D(1), 43G(1), 43H(1), 43J(1), 43K(3), 43Q(1), 43R(1) dan 43S(1) hendaklah difailkan

dengan Pendaftar dalam dua salinan dan Pendaftar boleh menghendaki dokumen itu difailkan di bawah peraturan atau subperaturan itu dalam lebih daripada dua salinan.

(2) Jika dokumen di bawah peraturan dan subperaturan yang dinyatakan dalam subperaturan (1) difailkan kepada Pendaftar mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 52A, Pendaftar boleh menghendaki dokumen itu dikemukakan secara fizikal melalui serahan tangan di Pejabat Pendaftaran Paten atau dihantar kepada Pendaftar melalui pos, dalam lebih daripada satu salinan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, subperaturan 52(5) tidak terpakai.”.

#### **Pindaan peraturan 46A**

10. Peraturan 46A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Jika permintaan bagi pindaan paten di bawah subperaturan (1) dibuat sebelum pemfailan notis bangkangan di bawah subperaturan 43A(1), Pendaftar boleh menangguhkan apa-apa tindakan berhubung dengan permintaan untuk meminda paten itu dalam keadaan yang berikut:

- (a) sehingga tamat tempoh pemfailan notis bangkangan di bawah subperaturan 43A(1); dan
- (b) jika notis bangkangan difailkan di bawah subperaturan 43A(1)—

- (i) sehingga Pendaftar memberitahu keputusannya di bawah subperaturan 43L(1); atau
  - (ii) sehingga notis bangkangan itu ditarik balik oleh orang yang berkepentingan di bawah peraturan 43Q.
- (5) Jika paten itu ditaksahkan pada akhir prosiding bangkangan di bawah seksyen 55A Akta, permintaan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disifatkan telah ditarik balik.”.

### **Pindaan peraturan 52**

11. Peraturan 52 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (4), dengan memasukkan selepas perkataan “fee yang ditetapkan” perkataan “kecuali—
    - (a) jika perkhidmatan bagi pemfailan elektronik yang disebut dalam subperaturan 52A(1) tidak tersedia atau digantung; dan
    - (b) jika serahan dibuat menurut subperaturan 43C(2), 43F(2) dan 43U(2).”; dan
  - (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Tertakluk kepada subperaturan 18(12), pemfailan dokumen atau perkara di Pejabat Pendaftaran Paten di bawah peraturan ini boleh dibuat dalam suatu peranti storan komputer fizikal mengikut kehendak yang ditentukan oleh Pendaftar.”.

### **Pindaan peraturan 52A**

12. Subperaturan 52A(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “regulation 8” dengan perkataan “regulation 52”.

**Pindaan peraturan 53**

13. Subperaturan 53(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Walau apa pun yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini” dengan perkataan “Melainkan jika Peraturan-Peraturan ini menetapkan selainnya”.

**Pindaan Jadual I**

14. Jadual I kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Bahagian I—

(a) berhubung dengan butiran 31, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Permintaan untuk meminda paten” perkataan “di bawah seksyen 79A”; dan

(b) dengan memasukkan selepas butiran 51 butiran yang berikut:

(1)	(2)	(3)
No. Butiran	Perkara/Prosiding	Fee (RM)

“52. Pemfailan notis bangkangan:

(a) terhadap pemberian paten	2,500.00
------------------------------	----------

(b) terhadap pemberian perakuan bagi perbaharuan utiliti	1,500.00
--	----------

53. Pemfailan alasan bangkangan tambahan	350.00
--	--------

54. Pemfailan pernyataan balas:

(a) oleh pemunya paten	250.00
------------------------	--------

	(b) oleh pemunya perakuan bagi perbaharuan utiliti	150.00
55.	Permintaan untuk meminda paten di bawah subperaturan 43E(4) dan 43K(3)	150.00
56.	Permintaan untuk kebenaran Pendaftar untuk memfailkan keterangan lanjut	300.00
57.	Permintaan untuk meminda dokumen dalam prosiding bangkangan	150.00
58.	Permintaan untuk penarikan balik notis bangkangan:	
	(a) sebelum pemfailan keterangan balas dan jawapan untuk meminda paten	150.00
	(b) selepas pemfailan keterangan balas dan jawapan untuk meminda paten	300.00
59.	Pemberitahuan pertukaran orang yang berkepentingan	150.00".

Dibuat 6 Oktober 2025  
[KPDNKK.100-1/4/20; PN(PU2)410/JLD.8]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup*

PATENTS ACT 1983

PATENTS (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by sections 55A and 87 of the Patents Act 1983 [Act 291], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Patents (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 31 December 2025.

**Amendment of regulation 2**

2. The Patents Regulations 1986 [P. U. (A) 327/1986], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 2(1), by inserting after the words “these Regulations” the words “which is construed as prescribed fee”.

**Amendment of regulation 18**

3. Subregulation 18(12) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “containing a copy of the sequence listing according to the standard as determined by the Registrar and the standard adopted under the Patent Cooperation Treaty” the words “for the purposes of filing and service under regulation 52”.

**Amendment of regulation 25A**

4. Subregulation 25A(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “subject to the prescribed fees which shall be paid by using in the form as determined by the Registrar” the words “made in the form as determined by the Registrar together with the payment of the prescribed fee”.

**Amendment of regulation 27C**

5. Subregulation 27C(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “and sections 26, 26A, 26B and 27 of the Act and regulations 7(2), 12 to 17, 21

